



UJIAN 1



Masa: 60 minit

/50

A Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. _____ harus berganding bahu untuk memajukan ekonomi negara.
- A Baginda
 - B Kita
 - C Beliau
 - D Dia

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Penyanyi yang bersuara _____ itu diberikan tepukan gemuruh oleh peminat-peminatnya.
- A sengau
 - B lemau
 - C lunak
 - D serak

3. Mak Jah: _____ bersedih lagi. _____ dikenang lagi peristiwa yang lepas. Kamu perlu berusaha lebih gigih untuk berjaya.

Shamila: Baiklah, ibu.

- A Usah...Jangan
- B Tolong...Harap
- C Sila...Jangan
- D Minta...Harap

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Pak Jalal terlena di _____ kerana keletihan selepas pulang dari bendang.
- A kerusi panjang
 - B kerusi malas
 - C kerusi roda
 - D kerusi kayu
5. Hulu keris yang _____ dengan perak itu ditempah khas dari negeri Terengganu.
- A menyadur
 - B saduran
 - C disadur
 - D penyaduran
6. "Ampun luanku, sembah _____ untuk mengadap diperkenan," kata Tok Bendahara kepada Sultan Muzaffar Syah.
- A palik
 - B hamba
 - C bela
 - D baginda

7. Beberapa _____ pistol telah dirampas dalam serbuan di pusat hiburan itu malam tadi.
A butir
B biji
C pucuk
D bilah
8. Sepasang _____ terbang di permukaan kolam yang tenang di taman botani itu.
A pepatung
B sesungut
C jejentik
D lelabah
9. Udara di Tanah Tinggi Cameron nyaman _____.
A agak
B sekali
C paling
D terlalu
10. Beberapa orang _____ membantu mangsa banjir yang terkandas di rumah mereka di Kampung Seroja.
A olahragawan
B peragawan
C sukarelawan
D bangsawan
11. Para penjual di tepi jalan itu ber_____ apabila gerai-gerai mereka dirobohkan oleh pihak berkuasa.
A rambang mata
B gelap mata
C tanda mata
D putih mata
12. Swee Ming sangat disayangi oleh ibu bapanya. Dia dijaga bagi _____.
A kera mendapat bunga
B menatang minyak yang penuh
C bulan jatuh ke riba
D isi dengan kuku
13. Daging itu masih keras lagi walaupun sudah lama dimasak.
Pilih perkataan antonim bagi keras.
A liat
B lemah
C empuk
D kenyal
14. Azli didenda oleh guru disiplin kerana kelewatannya datang ke sekolah selama tiga hari berturut-turut.
Pilih perkataan sinonim bagi kelewatan.
A kemalasan
B kesuntukan
C kelambatan
D kerisauan
15. *Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*
I Murid-murid makan dengan tertib semasa di kantin sekolah.
II Pakaian Encik Wong sangat tertib dan sedap dipandang.
III Kerusi dan meja disusun dengan tertib di dewan sebelum peperiksaan bermula.
IV Dia duduk dengan tertib di hadapan tetamu yang datang ke rumahnya.
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16. *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Siti dan Mei Ling akan menyertai pertandingan tarian pada minggu hadapan.

- A Pertandingan tarian pada minggu hadapan telah disertai oleh Siti dan Mei Ling.
- B Pertandingan tarian akan disertai oleh Siti dan Mei Ling pada minggu hadapan.
- C Pertandingan tarian oleh Siti dan Mei Ling akan disertai pada minggu hadapan.
- D Tarian pada minggu hadapan akan disertai pertandingan oleh Siti dan Mei Ling.

17. *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.*

Mengapakah Akmal tidak hadir ke majlis hari jadi saya semalam?

- A Akmal tidak muncul semalam.
- B Ya, Akmal telah terlupa akan majlis itu.
- C Kemungkinan Akmal terlupa akan majlis yang diadakan itu.
- D Rupa-rupanya Akmal telah terlupa akan majlis itu.

18. *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

Tumbuh-tumbuhan menjalani proses fotosintesis untuk membuat makanan.

- A Apakah itu proses fotosintesis?
- B Mengapakah tumbuh-tumbuhan menjalani proses fotosintesis?
- C Bilakah tumbuh-tumbuhan menjalani proses fotosintesis?
- D Bagaimanakah cara tumbuh-tumbuhan menjalani proses fotosintesis?

Soalan 19 dan 20

Pilih ayat yang betul.

19. I Nenek membawa goreng cempedak untuk kami dari kampung.
II Kertas bahan-bahan bacaan itu merupakan bahan pengitaran semula.
III Semua bekal yang dibawa perlu diletakkan di belakang kelas.
IV Adik suka makan nasi berkuah kicap dan ikan goreng.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20. A Rahman berjanji tidak akan mensia-siakan bakat melukis yang ada padanya.
B Jalanan pulang ke kampung yang panjang amat membosankan.
C Siva suka membelai arnab-arnab yang mempunyai baka kacukan yang menarik.
D Kakak sudah melanjutkan pelajarannya ke India dalam bidang perubatan tahun hadapan.